



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **KPWKM KOMITED PERKASA WANITA DAN TERUS LINDUNGI KANAK-KANAK**

**KOTA KINABALU, SABAH 11 MAC** – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) telah melancarkan Garis Panduan Perkhidmatan Pemeliharaan Dan Perlindungan Kanak-Kanak di Sabah International Convention Centre, Sabah.

Garis panduan ini diwujudkan bagi menjamin kesesuaian penempatan kanak-kanak di bawah ibu bapa peliharaan atau orang yang layak dan sesuai (OYLS). Selain itu, JKM juga memperkenalkan sistem saringan penggunaan Penaksiran Psikologi Personaliti (TAJMA) iaitu suatu alat ukur psikologi yang direkabentuk untuk memberikan data saintifik tentang diri seseorang individu mengenai pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Melalui penaksiran ini, kesesuaian ibu bapa peliharaan dalam aspek penjagaan, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dapat diteliti dengan lebih terperinci.

Selain itu, sesi Townhall Perkhidmatan Kanak-Kanak (Pemeliharaan dan Perlindungan) turut diadakan untuk membincangkan isu-isu semasa kanak-kanak dan cabaran yang dihadapi oleh Pelindung selain memperkasa dan meningkatkan peranan dan fungsi, mengukuhkan persediaan mental dan fizikal untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran dengan mengamalkan prinsip kerja sosial yang efektif dan mengenalpasti amalan kerja terbaik (*best*

*practice*) dalam mengendalikan pengurusan kes pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak secara holistik.

YB Dato 'Sri Hajah Nancy Shukri yang merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) juga merasmikan kursus bimbingan perniagaan bagi program MyKasih Kapital yang merupakan satu inisiatif di bawah Program Wanita Bangkit@KPWKM. Program kali ini disertai 500 peserta wanita merupakan usaha kementerian dalam membantu golongan wanita terutamanya yang hilang punca pendapatan, pencari nafkah utama dan ibu tunggal.

Pada sebelah malamnya, Yang Berhormat Menteri merasmikan Majlis *Excellence Women Award 2023* yang dianjurkan oleh Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Wanita Sabah (IKSnita) bagi meraikan dan mengiktiraf kejayaan wanita dalam industri ini sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa peringkat negeri Sabah.

KPWKM komited untuk terus melindungi dan memperkasa kumpulan sasar khususnya kanak-kanak dan wanita secara inklusif agar terus maju dan sejahtera demi pembangunan negara yang stabil dan harmoni menepati enam rukun Malaysia MADANI.

\*\*\*

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**11 Mac 2023**

## **NOTA TAMBAHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENEMPATAN KANAK-KANAK KEPADA IBU BAPA PELIHARAAN ATAU ORANG YANG LAYAK DAN SESUAI (OYLS)**

1. Sepanjang tahun 2022, Kementerian melalui JKM Kementerian melalui JKM telah mengendalikan sebanyak **6,781** kes yang melibatkan penderaan dan pengabaian iaitu penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian yang disantuni oleh pegawai JKM yang berperanan sebagai Pelindung seperti diwartakan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.
2. Sehingga kini, seramai 185 orang Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (PPPM) Gred S29 telah dilantik dan diwartakan pada fasa pertama 2021 dan pelantikan 158 orang PPPM akan diteruskan pada 2023. Pertambahan pegawai secara kontrak ini secara tidak langsung akan membantu dalam memberikan fokus kepada pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Dalam masa sama, Jawatankuasa Panel Penempatan Kanak-Kanak kepada OYLS Peringkat Negeri telah diwujudkan yang dipengerusikan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan untuk memastikan kesesuaian penempatan kanak-kanak dengan mengambilkira pelbagai aspek.

## **NOTA TAMBAHAN MYKASIH KAPITAL**

1. Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM telah berjaya membimbing dan membangunkan seramai 18,250 wanita melalui kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi strategik pelbagai jabatan, agensi dan syarikat korporat.

2. Aspek bimbingan dan kaunseling juga *psychoeducation* menjadi fokus utama Program Wanita Bangkit@KPWKM bagi tahun 2023 yang mana wanita-wanita yang ingin dibantu akan diberi perkongsian untuk memantapkan diri dengan mengenali potensi diri oleh Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS). Melalui perkongsian potensi diri para peserta dapat meningkatkan jati diri wanita dan memberi kesedaran serta penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi mampu membangkitkan daya tahan untuk memulakan kehidupan yang baru akibat hilang punca pendapatan kesan Pandemik Covid-19, perceraian, penderaan dari segi fizikal atau emosi dan peningkatan kos sara hidup.
  
3. PERKESO sebagai Rakan Strategik YKN memberikan taklimat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan Skim Keselamatan Perkejaan Sendiri (SKPS) kepada para peserta ada di antaranya dari kalangan suri rumah. Skim perkhidmatan ini memberi perlindungan daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga di samping menjana pendapatan keluarga.